

11/05/2003

Mengapa Datuk Syed Razak marah menyinga?

Munshi

DATUK Seri Syed Razak Syed Zain pula tiba-tiba naik angin. Menteri Besar Kedah ini "mencabar ahli, termasuk pemimpin Umno yang menuduh Umno Kedah lemah supaya datang ke negeri ini bagi membuktikan kekuatan mereka".

Kata Datuk Syed Razak, "Sepatutnya mereka yang mempunyai kepentingan tertentu ini, memberi bantuan moral, tenaga dan material, bukannya menyebarkan umpatan keji yang tiada kebenarannya".

Katanya lagi: "Inilah sikap ahli dan pemimpin Umno yang berfikir feudal. Jika benar ahli Umno seluruh negara mahu buktikan kehebatan dan kemampuan perjuangan mereka, datanglah ke Kedah. Jangan hanya berkokok di gelanggang sendiri".

Siapakah yang ditembak oleh Datuk Syed Razak ini, saya tidak pasti. Pilihan kata-katanya membawa banyak tanda tanya dan tak sedap didengar. Apakah Datuk sebenarnya menjemput atau menyindir kawan?

Tan Sri Muhyiddin Yassin agak lain sedikit. Beliau menyeru ahli Umno berfikir dalam rangka perjuangan yang lebih luas dan lebih jauh. Katanya: "Kekuatan yang ada pada ahli Umno hari ini tidak mencukupi bagi mengekang cabaran yang dilihat mampu merobek nikmat kemerdekaan yang dikecapi hari ini".

Tegasnya: "Ahli Umno perlu sedar tentang bahaya dan kemungkinan yang kita perlu hadapi pada masa depan, yang pada anggapan saya lebih mencabar".

Demikianlah beberapa petikan pendapat, seruan dan luahan emosi pemimpin Umno dalam masa kira-kira sebulan ini. Kita boleh membuat analisis dan tafsiran masing-masing. Bagi saya ucapan ini memperlihatkan wajah dan jiwa Umno yang tidak sihat.

Dr Mahathir sebagai Presiden Umno telah membuat seruan demi seruan, mengingatkan kembali sejarah dan peristiwa hitam dan pahit masa lalu. Beliau merayu, marah dan menangis dalam Perhimpunan Agung. Beliau juga dikritik kerana mengatakan orang Melayu mudah lupa dan orang Melayu malas dan haprak.

Rasanya tiada lagi istilah, kata-kata, kisah dan cerita yang tidak beliau gunakan untuk mengingatkan dan mengukuhkan perjuangan politik Melayu, khususnya Umno. Di akhir ucapan beliau mendapat tepukan gemuruh. Tetapi selesai persidangan semuanya balik asal. Salahnya di mana? Perbezaan generasi atau kegilaan wang?

(Pejabat Kumpulan AMONA, Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur - 7 Mei 03)